

Muhyiddin dituduh menghasut

Bekas PM mengaku tak salah, 4 November tarikh sebutan semula kes

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Paya Linda Yahya
bhnews@bh.com.my

Gua Musang: Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas pertuduhan mengeluarkan perkataan menghasut semasa kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nengiri, di sini pada 14 Ogos lalu.

Muhyiddin, 77, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Nik Mohd Tarmizie Nik Mohd Shukri.

Mengikut pertuduhan, Muhyiddin yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN) dan Presiden BERSATU didakwa melakukan perbuatan itu di kawasan lapang berhampiran Dewan Semai Bakti FELDA Perasu, di sini dan didapati menyebut perkataan menghasut antara jam 10.30 malam hingga 11.50 malam, 14

Ogos lalu.

Kenyataan menghasut itu berkenaan dakwaan beliau yang tidak dijemput oleh Yang di-Pertuan Agong selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) untuk mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri walaupun dikatakan mempunyai sokongan 115 daripada 222 Ahli Parlimen pada masa itu.

Ahli Parlimen Pagoh itu didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 yang boleh dihukum di bawah Subseksyen 4(1) akta sama, membawa hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dilakukan enam Timbalan Pendakwa Raya yang diketuai Datuk Umar Saifuddin Jaafar, manakala Muhyiddin pula diwakili lima peguam diketuai Amer Hamzah Arshad, Chetan Jethwani, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Mohd Nasir Abdullah dan Mariana Mat Kudin.

Semasa prosiding, Umar Saifuddin mencadangkan jaminan RM20,000 kepada Muhyiddin, selain mengenakan syarat tambahan berhubung perintah larangan bersuara dan mengeluarkan kenyataan berhubung isu berkenaan.

Namun, Amer Hamzah pula memohon supaya kadar ikat jamin itu tidak wajar dan keterlaluannya memandangkan sebelum ini Menteri Besar Kedah,



Muhyiddin hadir di Mahkamah Sesyen Gua Musang, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor hanya dikenakan jaminan RM5,000 sahaja.

Katanya, jaminan RM5,000 juga sudah memadai tanpa perlu mengenakan perintah larangan bersuara memandangkan isu berkenaan sudah diketahui umum.

"Malah anak guam saya juga mengeluarkan kenyataan fakta dan segala bukti sudah diserahkan kepada pihak polis untuk diperincikan. Justeru tidak perlu syarat tambahan dikenakan selain jaminan hanya RM5,000 sa-

haja," katanya.

Ikat jamin RM5,000

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM5,000 dan menolak permohonan pihak pendakwa berhubung perintah larangan bersuara.

Mahkamah juga menetapkan 4 November sebagai tarikh sebutan semula kes.

Terdahulu Muhyiddin tiba di Mahkamah Sesyen Gua Musang jam 8.43 pagi diiringi isterinya, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman; Pengerusi PN Selangor, Da-

tuk Seri Mohamed Azmin Ali; Setiausaha Agung BERSATU, Datuk Seri Hamzah Zainudin; Naib Presiden BERSATU, Datuk Dr Radzi Jidin dan Ketua Pemuda BERSATU, Wan Fayhsal Wan Ahmad Kamal.

Dianggarkan lebih 1,000 penyokong PN turut berada di pekarangan mahkamah dan keadaan terkawal.

Pendakwaan Muhyiddin semalam juga menjadikan beliau bekas Perdana Menteri pertama yang dituduh mengikut Akta Hasutan 1948.